



JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN

**PANDUAN
SKIM PENGGUDANGAN**

Penerbitan

Tarikh diterbitkan: 15 Jun 2017.

Panduan Skim Penggudangan disemak sehingga 1 Januari 2017 ditarik balik dan digantikan dengan Panduan Skim Penggudangan disemak sehingga 15 Jun 2017.

Notis Hak Cipta

Hak cipta 2017 Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Hak cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hak Cipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya dengan terbitnya suatu panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini dibenarkan untuk diterbitkan semula, disimpan di dalam sistem perolehan kembali atau dipanjangkan dalam apa jua bentuk termasuk di dalam laman web untuk tujuan komersial tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam penghasilan semula atau pemetikan kandungan, perakuan sumber diperlukan.

Penolakan Tuntutan

Maklumat ini bertujuan memberi kefahaman umum tentang layanan berkenaan Cukai Barang dan Perkhidmatan dan memberi pemahaman yang lebih baik tentang kewajipan pembayar cukai. Ia bukannya bertujuan untuk mengemukakan pelbagai permasalahan percukaian yang mungkin timbul. Walaupun JKDM telah mengambil semua inisiatif bagi memastikan maklumat yang terkandung dalam Panduan ini adalah tepat, JKDM tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kesilapan dan ketidaktepatan atau sebarang kerugian kewangan atau lain-lain yang ditanggung oleh individu yang menggunakan maklumat daripada Panduan ini. Kesemua maklumat adalah terkini pada masa penyediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

KANDUNGAN.....	
Pengenalan.....	3
ikhtisar cukai barang dan perkhidmatan (CBP).....	3
TERMINOLOGI.....	3
OPERASI INDUSTRI SECARA AM.....	5
Skim Penggudangan.....	5
Depot Pelepasan Pedalaman.....	6
LAYANAN CBP BAGI PERGERAKAN BARANG KE GUDANG BERLESEN.....	7
LAYANAN CBP BAGI PERGERAKAN BARANG DARI GUDANG BERLESEN....	8
LAYANAN CBP BAGI PERGERAKAN BARANG KE DPP.....	10
LAYANAN CBP BAGI PERGERAKAN BARANG DARI DPP.....	11
AKTIVITI YANG DIBENARKAN KE ATAS BARANG YANG DISIMPAN DALAM DPP.....	11
TANGGUNGJAWAB OPERATOR GUDANG.....	12
TANGGUNGJAWAB OPERATOR DPP.....	12
TANGGUNGJAWAB SEBAGAI ORANG BERDAFTAR CBP.....	13
PENYELENGGARAAN REKOD DAN AKAUN.....	14
SOALAN-SOALAN LAZIM.....	15
Pergerakan Barang Ke Gudang Berlesen.....	15
Pergerakan Barang Dari Gudang Berlesen.....	15
Pembekalan Barang Dan Perkhidmatan Dalam Sesebuah Gudang.....	16
Tanggungjawab Operator Gudang.....	18
Depot Pelepasan Pedalaman.....	18
Penyimpanan Rekod Dan Akaun.....	22
PERTANYAAN.....	24
BUTIRAN DAN MAKLUMAT LANJUT BERKENAAN CBP.....	24

PENGENALAN

1. Panduan spesifik ini disediakan untuk membantu perniagaan dalam memahami perkara berkaitan dengan layanan Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) ke atas Skim Penggudangan.

Ikhtisar Cukai Barang dan Perkhidmatan

2. CBP adalah cukai berperingkat yang dikenakan ke atas kegunaan domestik. CBP dikenakan ke atas semua pembekalan barang dan perkhidmatan bercukai di Malaysia selain yang dikecualikan secara khusus. CBP juga dikenakan ke atas pengimportan barang dan perkhidmatan ke Malaysia.

3. Pembayaran cukai dibuat secara berperingkat oleh perantara dalam proses pengeluaran dan pengagihan. Walaupun cukai akan dibayar sepanjang rangkaian pengeluaran dan pengedaran, hanya nilai tambah pada setiap peringkat akan dikenakan cukai dan ini dapat mengelakkan cukai berganda.

4. Di Malaysia, seseorang yang didaftarkan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dikenali sebagai "orang berdaftar". Orang berdaftar dikehendaki untuk mengenakan CBP (cukai output) ke atas pembekalan bercukainya yang dibuat kepada pelanggan. Dia juga dibenarkan untuk menuntut kembali apa-apa CBP yang ditanggung ke atas pembelian (cukai input) yang mana merupakan input kepada perniagaannya. Oleh itu, cukai itu sendiri bukan merupakan satu kos kepada perantara dan bukan merupakan sebagai suatu item perbelanjaan dalam penyata kewangan mereka.

TERMINOLOGI

5. Terdapat beberapa jenis gudang seperti berikut:
- (a) Gudang Berlesen Awam – gudang ini dikendalikan oleh syarikat-syarikat swasta atau syarikat berkaitan kerajaan bagi keperluan orang awam membawa masuk barang-barang berduit;
 - (b) Gudang Berlesen Persendirian – gudang ini dikendalikan oleh syarikat-syarikat untuk menyimpan barang-barang sendiri sahaja;

- (c) Gudang Berlesen PEKEMA - gudang ini hanya dibenarkan untuk menyimpan kenderaan bermotor yang diimport oleh ahli-ahli PEKEMA sahaja; dan
 - (d) Gudang Berlesen Agen Awam – gudang ini diluluskan bagi kompleks-kompleks kargo di pelabuhan atau di lapangan terbang dan diuruskan oleh ejen mereka masing-masing untuk mengendalikan barang.
6. Di bawah perundangan CBP, definisi gudang membawa maksud seperti berikut:
- (a) **'gudang'** bermaksud –
 - (i). apa-apa gudang kastam yang dilesenkan di bawah seksyen 63 Akta Kastam 1967;
 - (ii). apa-apa gudang yang dilesenkan di bawah seksyen 65 Akta Kastam 1967;
 - (iii). apa-apa kedai bebas cukai yang dilesenkan di bawah seksyen 65D Akta Kastam 1967; atau
 - (iv). apa-apa depot pelepasan pedalaman yang dilesenkan di bawah seksyen 65E Akta Kastam 1967.
7. Definisi-definisi bagi *depot pelepasan pedalaman*, *transit* dan *pembawa berlesen* adalah diperuntukkan di bawah Seksyen 2 Akta Kastam 1967 seperti berikut:
- (a) **'depot pelepasan pedalaman'** bermaksud kemudahan pedalaman guna-sama yang dilengkapi dengan peralatan-peralatan dan menawarkan perkhidmatan untuk mengendali dan menyimpan barang yang dibawa melalui jalan darat dan diletakkan di bawah kawalan kastam.
 - (b) **'transit'** bermaksud dibawa atau dihantar dari luar negara ke Malaysia melalui jalan darat, laut dan udara (sama ada tidak mendarat atau pindah kapal di Malaysia) bagi tujuan untuk dibawa ke negara lain sama ada menggunakan pengangkutan yang sama atau sebaliknya.

- (c) **'pembawa berlesen'** bermaksud seseorang yang telah mendapat kelulusan dari Ketua Pengarah Kastam untuk mengangkut apa-apa barang transit atau barang berduti di bawah Akta Kastam 1967 dan Akta Eksais 1976, melalui jalan darat.

OPERASI INDUSTRI SECARA AM

Skim Penggudangan

8. Gudang Berlesen merupakan satu kawasan ditetapkan, yang diluluskan oleh Kastam Diraja Malaysia di bawah Seksyen 65 Akta Kastam 1967, untuk menyimpan barang-barang berduti. Walau bagaimanapun, sejak 1981, fungsinya telah diperluaskan kepada aktiviti-aktiviti lain seperti pecah pukal dan perniagaan untuk memudahkan aktiviti-aktiviti perdagangan dan juga bagi menjadikannya pusat pengedaran di rantau ASEAN. Penubuhannya juga membantu mengurangkan kesesakan di pelabuhan dan memudahkan urusan pengimport-pengimport.

9. Terdapat beberapa kategori gudang di bawah Akta Kastam, tertakluk kepada kelulusan, seperti gudang berlesen awam, gudang berlesen persendirian, gudang PEKEMA (Persatuan Pengimport dan Peniaga Kenderaan Melayu Malaysia) dan gudang berlesen agen awam. Setiap kategori mempunyai ciri-ciri dan jenis-jenis barang yang berbeza untuk disimpan tetapi semua gudang tersebut dilesenkan di bawah Seksyen 65 Akta yang sama.

10. Aktiviti-aktiviti nilai tambah berikut boleh dijalankan ke atas barang yang disimpan dalam semua gudang berlesen kecuali PEKEMA, seperti berikut:

- (a) penyimpanan barang-barang berduti;
- (b) pecah pukal – barang-barang dilepaskan dari gudang dalam kuantiti yang lebih kecil;
- (c) pembungkusan semula – barang-barang yang sama dibungkus semula dalam bungkusan yang lebih kecil atau lebih besar, atau pembungkusan semula berbagai jenis barang menjadi satu set barang;

- (d) penandaan semula – barang-barang diberi penandaan semula seperti menandakan nama pengimport atau pengedar sebelum barang-barang tersebut diedarkan untuk pasaran tempatan;
- (e) jual beli - barang-barang dibenarkan dijual terus kepada pembeli di gudang, tidak kira sama ada duti dan/ atau cukai ke atas barang tersebut telah dibayar atau sebaliknya;
- (f) penggabungan - barang-barang (sama ada berduti atau keluaran tempatan) digabungkan untuk dieksport;
- (g) perdagangan 'entreport' – barang-barang yang diimport di eksport semula;
- (h) pengangkutan dalaman (seperti forklift) dan caj pengendalian.

11. Secara amnya, di bawah perundangan CBP, pengimportan barang adalah tertakluk kepada CBP. Pembayaran CBP yang dibuat oleh pengimport-pengimport di tempat pengimportan boleh menimbulkan masalah dari segi aliran tunai kerana mereka perlu membayar cukai terlebih dahulu. Oleh yang demikian, satu skim khas yang dikenali sebagai **Skim Penggudangan** diperkenalkan untuk membantu mereka mengurangkan masalah aliran tunai tersebut. Pada amnya, CBP bagi barang-barang yang diimport dan disimpan dalam gudang berlesen awam adalah digantung.

12. Skim ini disediakan kepada pengimport-pengimport atau pemilik barang yang merupakan pengguna gudang berlesen memandangkan ianya menyediakan kemudahan penyimpanan dengan penggantungan CBP. Pengguna tidak perlu memohon untuk menikmati skim ini.

Depot Pelepasan Pedalaman

13. Depot Pelepasan Pedalaman (DPP) merupakan satu kawasan yang dilesenkan di bawah Akta Kastam 1967 dan menawarkan perkhidmatan pengendalian dan penyimpanan barang bagi memudahkan aktiviti import dan eksport. DPP diwujudkan untuk mengurangkan kesesakan di pelabuhan dan bagi memudahkan orang awam melalui prinsip penghantaran dari pintu-ke-pintu. DPP berfungsi sebagai 'pelabuhan

kering'. Bagi tujuan panduan ini, DPP juga termasuk Terminal Kontena Pedalaman (*Inland Container Terminal*) di Ipoh.

14. Pada dasarnya, DPP menyediakan perkhidmatan penyimpanan bagi barang yang diimport yang diangkut dari pelabuhan kastam atau lapangan terbang melalui jalan darat atau keretapi. Perkhidmatan yang sama juga disediakan bagi barang yang hendak dieksport melalui lapangan terbang atau pelabuhan kastam atau mana-mana tempat lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah. Dalam kedua-dua situasi tersebut, transaksi atau pergerakan barang ke DPP akan menarik CBP, kerana di bawah sistem CBP, cukai dikenakan ke atas barang dan perkhidmatan yang dibekalkan dalam Malaysia dan juga ke atas pengimportan barang ke negara ini. Walaupun begitu, pengenaan cukai ke atas barang yang dibawa masuk dan ditempatkan dalam DPP boleh menimbulkan masalah kepada pengimport, pengeksport atau pemilik barang dari segi aliran tunai kerana barang tersebut hanya disimpan untuk sementara waktu sahaja sebelum dipindahkan ke destinasi akhir. Oleh itu, perundangan khas diperkenalkan dalam keadaan tertentu bagi DPP untuk mengatasi masalah tersebut.

LAYANAN CBP BAGI PERGERAKAN BARANG KE GUDANG BERLESEN

Barang Import yang didepositkan ke dalam Gudang Berlesen

15. Pembayaran CBP ke atas barang-barang import adalah digantung apabila barang tersebut disimpan di dalam gudang berlesen. Pergerakan barang tersebut perlu diikrar dalam Borang Kastam No. 8.

Barang dari Zon Bebas ke Gudang Berlesen

16. CBP bagi barang-barang yang dipindahkan dari zon bebas ke gudang berlesen adalah digantung. Pemindahan barang tersebut perlu diikrar menggunakan Borang Kastam No. 8.

Barang dari Kawasan Ditetapkan ke Gudang Berlesen

17. CBP bagi pergerakan barang-barang dari Kawasan Ditetapkan ke gudang berlesen adalah digantung. Pergerakan barang tersebut dilitupi oleh Borang Kastam No. 8.

Barang dari Gudang Pengilangan Berlesen (GPB) ke Gudang Berlesen

18. Di bawah perundangan CBP, barang-barang yang dikilangkan di GPB dianggap sebagai barangan penghasilan tempatan. Oleh itu, pembekalan barang-barang dari GPB ke gudang berlesen adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard dan invoice cukai hendaklah dikeluarkan.

19. Walau bagaimanapun, CBP tidak terpakai sekiranya tiada pindah milik dalam pergerakan barang tersebut kerana pembekalan tidak berlaku. Pemindahan barang tersebut perlu diikrar dalam Borang GPB No. 2.

LAYANAN CBP BAGI PERGERAKAN BARANG DARI GUDANG BERLESEN

Barang dari Gudang Berlesen ke Kawasan Utama Kastam (KUK)/ GPB

20. CBP hendaklah menjadi genap masa dan kena dibayar apabila barang-barang dipindahkan dari gudang berlesen untuk pembekalan tempatan atau ke GPB, seolah-olah pergerakan tersebut adalah pengimportan ke dalam Malaysia. Oleh itu, pengikraran bagi pergerakan barang tersebut hendaklah dibuat dalam Borang Kastam No. 1 bagi pembayaran CBP atau apa-apa duti kastam. Di bawah prosedur gudang, sekiranya barang-barang tersebut dipindahkan secara berperingkat, pengikraran dan pembayaran CBP atau apa-apa duti kastam ke atas barang yang hendak dibawa keluar itu perlu dibuat dalam Borang Kastam No. 9. Sekiranya pembeli di KUK/ GPB adalah orang diluluskan di bawah Skim Pedagang Diluluskan, ia boleh menggantung pembayaran CBP dengan menggunakan Borang Kastam No. 1.

Contoh 1:

Saya menyimpan barang import saya dalam sebuah gudang yang diluluskan di bawah Seksyen 65 Akta Kastam 1967. Seorang pelanggan tempatan telah bersetuju untuk membeli barang tertentu pada harga RM10,000.00. Bagaimanakah pelanggan saya hendak menentukan nilai CBP import yang perlu dibayar?

(Andaikan kadar duti import = 10% dan CBP = 6%)

Pelanggan anda perlu mengikrar amaun berikut:

<i>Nilai untuk tujuan kastam</i>	<i>= RM 10,000.00</i>
<i>Import duti 10%</i>	<i>= RM 1,000.00</i>
<i>CBP 6% pada RM11, 000.00</i>	<i>= RM 660.00</i>
<i>Jumlah duti & CBP yang perlu dibayar</i>	<i>= RM 1,660.00</i>

Pemindahan Barang di dalam atau di antara Gudang Berlesen

21. CBP diabaikan bagi pembekalan atau pemindahan barang-barang di dalam atau di antara gudang berlesen. Pengikraran barang hendaklah dibuat menggunakan Borang Kastam No. 8.

22. Walau bagaimanapun, barang-barang dan perkhidmatan yang digunakan di dalam gudang berlesen adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

Barang dari Gudang Berlesen untuk dieksport

23. CBP bagi barang yang disimpan di dalam gudang berlesen yang hendak dieksport adalah pada kadar sifar. Apa-apa cukai input yang terlibat dalam pengeksportan barang tersebut boleh dituntut. Bukti dokumentari eksport hendaklah disimpan bagi tujuan pengauditan. Sila rujuk *Panduan Spesifik bagi Eksport* untuk maklumat selanjutnya.

Barang dari Gudang Berlesen ke Zon Bebas

24. CBP digantung bagi pemindahan barang-barang dari gudang berlesen ke zon bebas. Pemindahan tersebut perlu diikrar menggunakan Borang Kastam No. 8.

Barang dari Gudang Berlesen ke Kawasan Ditetapkan

25. Tiada CBP dikenakan ke atas pemindahan barang-barang dari gudang berlesen ke Kawasan Ditetapkan. Pemindahan tersebut perlu menggunakan Borang Kastam No. 8.

LAYANAN CBP BAGI PERGERAKAN BARANG KE DPP

26. Layanan CBP bagi pergerakan barang ke DPP adalah seperti berikut:
- (a) Bagi barang yang diimport, sebaik sahaja barang tersebut mendarat di pelabuhan kastam atau di lapangan terbang dari suatu tempat di luar Malaysia atau barang diangkut dari zon perdagangan bebas, pengikraran ke atas barang tersebut mestilah dibuat dalam borang Kastam No.8 untuk memindahkan barang tersebut ke DPP. Barang tersebut mestilah diangkut melalui jalan darat oleh pembawa berlesen atau melalui keretapi. CBP bagi barang tersebut adalah digantung apabila barang itu disimpan dalam DPP.
 - (b) Pada dasarnya, barang yang dihasilkan di Malaysia boleh dibahagikan kepada beberapa kategori bergantung kepada di mana barang tersebut dihasilkan. Oleh yang demikian, layanan CBP bagi barang tersebut adalah seperti berikut:
 - (i) Jika pemilik barang memindahkan barang keluaran tempatan termasuk barang dari zon perindustrian bebas dan gudang pengilangan berlesen, adalah memadai untuk meliputi pergerakan barang tersebut ke DPP dengan pesanan penghantaran. Tiada CBP dikenakan ke atas pergerakan tersebut kerana tiada pembekalan berlaku di bawah sistem CBP.
 - (ii) Walaupun begitu, perkhidmatan yang disediakan untuk memindahkan barang tersebut adalah tertakluk kepada CBP. CBP yang ditanggung bagi perkhidmatan tersebut boleh dituntut sebagai cukai input. Untuk maklumat selanjutnya, sila rujuk *Panduan Industri bagi Pengangkutan*.
 - (iii) Jika barang dipindahkan dari gudang berlesen di bawah Seksyen 65 Akta Kastam 1967, maka pengikraran barang mestilah dibuat dalam Borang Kastam No.8. CBP digantung bagi barang tersebut.

- (c) Jika barang dipindahkan dari Malaysia Timur, maka pergerakan barang tersebut ke DPP hanya perlu diikrar dalam borang Kastam No.3. CBP tidak terpakai bagi pergerakan tersebut kerana tiada pembekalan berlaku.

LAYANAN CBP BAGI PERGERAKAN BARANG DARI DPP

27. Layanan CBP bagi pergerakan barang dari DPP adalah seperti berikut:
- (a) Pengeksportan barang adalah berkadar sifar. Walau bagaimanapun, bukti dokumentari eksport mestilah diselenggara oleh pengeksport bagi verifikasi oleh pegawai CBP. Pengeksport boleh menuntut apa-apa cukai input yang ditanggung bagi barang dieksport. Bagi pengeksportan, dia perlu mengisytihar barang tersebut dalam Borang Kastam No.2 di DPP. Pengikraran boleh dibuat olehnya atau ejen yang dilantik. Selepas mengisytihar barang tersebut, barang itu mestilah diangkut melalui jalan darat atau keretapi oleh pembawa berlesen ke pelabuhan kastam atau lapangan terbang.
 - (b) Jika barang dipindahkan dari DPP untuk kegunaan tempatan, pemindahan tersebut dianggap sebagai import dan CBP akan dipungut oleh pihak Kastam. Pengikraran hendaklah dibuat dalam Borang Kastam No.1 dan apa-apa duti kastam dan CBP yang kena dibayar hendaklah dibayar sebelum barang tersebut dibawa keluar dari DPP.
 - (c) Bagi pergerakan barang yang disimpan dalam DPP ke DPP yang lain, pengikraran barang mestilah dibuat dalam Borang Kastam No.8. Tiada CBP dikenakan bagi pergerakan barang ini kerana ia digantung.

AKTIVITI YANG DIBENARKAN KE ATAS BARANG YANG DISIMPAN DALAM DPP

28. Aktiviti nilai tambah tidak dibenarkan dilakukan ke atas barang yang disimpan dalam DPP kerana barang yang disimpan hanyalah untuk sementara waktu.

Walaupun begitu, jika apa-apa aktiviti nilai tambah hendak dilakukan ke atas barang tersebut, maka barang itu mestilah dipindahkan ke gudang berlesen.

TANGGUNGJAWAB OPERATOR GUDANG

29. Tanggungjawab sebagai operator gudang adalah seperti berikut:

- (a) Mesti memohon untuk menjadi orang berdaftar CBP jika membuat pembekalan bercukai dan nilai pembekalan tersebut telah mencapai atau dijangka akan mencapai nilai ambang yang ditetapkan, dalam tempoh 12 bulan yang lepas atau yang akan datang.
- (b) Pembekalan bercukai yang dibuat oleh operator gudang adalah termasuk seperti dalam senarai di bawah:
 - (i) Sewaan ruang gudang atau peralatan-peralatan;
 - (ii) Memuat dan memunggah barang;
 - (iii) Perkhidmatan pelepasan kastam;
 - (iv) Fi penghantaran yang dikenakan kepada pelanggan; dan
 - (v) Perkhidmatan nilai tambah yang lain.

TANGGUNGJAWAB OPERATOR DPP

30. Sebagai operator DPP, anda boleh memohon untuk menjadi orang berdaftar CBP sekiranya kriteria berikut dipenuhi:

- (a) aktiviti-aktiviti pembekalan dijalankan dalam perjalanan urusan atau penerusan perniagaan; dan
- (b) membuat pembekalan bercukai di Malaysia dan nilai pembekalan telah mencapai/ dijangka mencapai nilai ambang bagi tempoh 12 bulan yang lalu atau akan datang.

TANGGUNGJAWAB SEBAGAI ORANG BERDAFTAR CBP

31. Sebagai operator gudang berlesen atau DPP yang berdaftar CBP, tanggungjawab anda adalah seperti berikut:

(a) Jaminan Bank

Anda mestilah mengemukakan satu jaminan bank atau bon yang meliputi duti dan/ atau CBP yang kena dibayar bagi barang-barang yang diimport dalam satu-satu masa.

(b) Rekod Stok

(i) Anda mestilah menyelenggara rekod berkaitan nombor lot.

(ii) Nombor lot merupakan satu nombor transaksi yang unik yang ditentukan oleh pengendali gudang bagi setiap produk dalam muatan/ kiriman barang-barang. Ia diperlukan bagi tujuan mengesan barang-barang tertentu bagi sesuatu muatan/ kiriman.

(c) Penyata/ Laporan Audit

Anda dikehendaki untuk mengemukakan penyata bulanan bagi pergerakan barang dan laporan perbezaan (jika ada). Anda juga dikehendaki mengemukakan laporan audit kepada pegawai CBP atau pegawai kastam yang hak. Akaun anda boleh diaudit oleh pegawai CBP pada bila-bila masa perlu.

32. Mengikut perundangan CBP, semua rekod dan dokumen perakaunan perniagaan anda perlu diselenggarakan dan disimpan, termasuk yang berikut:

(a) Borang ikrar import/ eksport/ *in-transit*;

(b) Penyata stok bulanan;

(c) Laporan perbezaan;

(d) Laporan pengendalian masuk;

- (e) Laporan pengendalian keluar; dan
- (f) Senarai stok bulanan.

PENYELENGGARAAN REKOD DAN AKAUN

33. Sebagai operator DPP berdaftar CBP, semua rekod dan dokumen perakaunan perniagaan anda perlu diselenggarakan dan disimpan di bawah sistem CBP seperti berikut:

- (a) Invois cukai;
- (b) Invois/resit;
- (c) Nota kredit/debit;
- (d) Lejar;
- (e) Borang ikrar import/eksport/*in-transit*;
- (f) Penyata stok bulanan;
- (g) Laporan perbezaan;
- (h) Laporan pengendalian masuk;
- (i) Laporan pengendalian keluar;
- (j) Senarai stok bulanan;
- (k) Dokumen sokongan yang lain sebagai bukti bagi pergerakan barang seperti nota perkapalan, bil muatan/bil udara, arahan pelanggan atau surat kredit; dan
- (l) rekod-rekod lain sebagaimana dikehendaki Ketua Pengarah.

34. Perlu menyelenggara dokumen sokongan lain yang menyediakan bukti bagi pergerakan barang, seperti:

- (a) Nota perkapalan;
- (b) Bil muatan/bil udara;
- (c) Arahan pelanggan;
- (d) Surat kredit.

SOALAN-SOALAN LAZIM

Pergerakan barang ke gudang berlesen

S1: Jika saya seorang pengimport di kawasan utama kastam dan saya ingin membeli barang dari Labuan, bolehkah saya menyimpan barang yang dibeli dalam gudang berlesen? Apakah implikasi CBP ke atas pergerakan barang tersebut?

J1: Barang yang dibeli dari Labuan merupakan barang yang seolah-olah diimport di bawah perundangan CBP, Oleh itu, anda dibenarkan untuk menyimpan barang pembelian anda dalam gudang dan CBP bagi barang tersebut adalah digantung.

S2: Jika saya hendak memindahkan barang saya dari suatu gudang ke suatu gudang yang lain untuk aktiviti nilai tambah, adakah CBP digantung ke atas barang tersebut?

J2: CBP bagi barang yang dipindahkan dari suatu gudang ke suatu gudang yang lain diabaikan. Pergerakan barang tersebut perlu diliputi dengan Borang Kastam No.8.

Pergerakan barang dari gudang berlesen

S3: Jika saya seorang peniaga dan saya telah menggabungkan barang dari perolehan tempatan dengan barang yang diimport di dalam gudang berlesen yang mana saya hendak menjual barang gabungan tersebut ke kedai bebas cukai (KBC) atau kepada operator di kawasan ditetapkan, apakah layanan CBP ke atas barang tersebut?

J3: CBP diabaikan bagi apa-apa pergerakan barang di antara suatu gudang berlesen ke kedai bebas cukai memandangkan kedai bebas cukai adalah dianggap sebagai sebuah gudang berlesen. Tiada CBP ke atas pembekalan barang-barang yang telah digabungkan apabila dibawa keluar dari gudang ke kawasan ditetapkan.

S4: Jika saya adalah pemegang Skim Pedagang Diluluskan (SPL), bolehkah saya menggantung CBP atas barang yang dibeli dari gudang berlesen dengan menggunakan skim ini?

J4: Ya, CBP boleh digantung apabila anda membeli barang dari gudang berlesen. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk *Panduan Industri bagi Skim Pedagang Diluluskan*.

S5: Adakah perkhidmatan-perkhidmatan sampingan seperti pengangkutan dan caj-caj lain yang disediakan oleh syarikat pengangkutan dan ejen penghantaran tertakluk kepada CBP apabila barang dipindahkan ke atau dari gudang?

J5: Secara amnya, perkhidmatan yang berkaitan dengan pergerakan barang dari atau ke gudang seperti pengangkutan dan caj-caj lain adalah tertakluk kepada CBP jika penyedia perkhidmatan adalah orang berdaftar CBP.

Pembekalan barang dan perkhidmatan dalam sesebuah gudang

S6: Saya mendapatkan khidmat luar (outsourc) bagi aktiviti-aktiviti pelabelan dan pembungkusan semula dalam sebuah gudang. Apakah implikasi CBP ke atas perkhidmatan dari khidmat luar?

J6: Perkhidmatan yang diperoleh daripada khidmat luar adalah tertakluk kepada CBP jika ianya disediakan oleh orang berdaftar CBP, walaupun aktiviti tersebut dijalankan di dalam gudang.

S7: Saya seorang peniaga. Jika saya ingin membeli barang milik Encik Ali yang sedang disimpan dalam gudang berlesen awam, dan kemudian menggabungkannya dengan barang belian tempatan sebelum dieksport, adakah saya perlu membayar CBP ke atas semua pembelian tempatan saya?

J7: Ya. Anda perlu membayar CBP bagi semua pembelian tempatan anda. Walau bagaimanapun, CBP tidak dikenakan ke atas pembelian barang dari Encik Ali yang disimpan di dalam gudang kerana barang tersebut dibekalkan di dalam gudang berlesen di bawah Skim Penggudangan. Barang yang telah digabungkan dan dieksport, CBP dikenakan pada kadar sifar. Jika anda

adalah orang berdaftar CBP, anda boleh menuntut cukai yang telah dikenakan ke atas pembelian tempatan anda sebagai kredit cukai input.

S8: Jika saya, sebagai peniaga, membeli barang yang disimpan di gudang daripada Encik Ali dan Encik Wong, membungkus semula barang tersebut dan menjualnya kepada Encik Raju di dalam gudang yang sama, adakah CBP dikenakan ke atas pembelian dan jualan barang tersebut dalam gudang?

J8: Tiada CBP dikenakan ke atas jualan barang tersebut kerana pembekalan yang dibuat dalam gudang adalah CBP diabaikan.

Tanggungjawab operator gudang

S9: Jika saya operator gudang dan pada masa yang sama saya juga operator Depot Pelepasan Pedalaman (DPP) yang kedua-duanya beroperasi menggunakan nama syarikat yang sama, adakah saya perlu mendaftar kedua-dua perniagaan tersebut secara berasingan?

J9: Satu syarikat yang menjalankan pelbagai jenis perniagaan masih lagi dikira sebagai satu entiti. Oleh itu, kedua-dua perniagaan tersebut dikira dijalankan oleh seorang orang kena cukai tunggal. Walau pun demikian, perniagaan yang berbeza boleh didaftarkan secara berasingan berdasarkan kepada jenis perniagaan yang dijalankan di bawah pendaftaran cawangan atau bahagian. Sila rujuk *Panduan Spesifik bagi Pendaftaran* untuk maklumat lanjut).

S10: Saya mengendalikan beberapa gudang di seluruh Malaysia. Jika nilai perolehan bagi setiap gudang masih di bawah had penentuan nilai perolehan, adakah saya masih perlu didaftarkan?

J10: Anda perlu mendaftar di bawah perundangan CBP sekiranya jumlah perolehan tahunan keseluruhan gudang telah melebihi nilai ambang walaupun nilai perolehan bagi setiap gudang masih lagi di bawah nilai ambang.

S11: Berapa lamakah saya mesti menyimpan rekod?

J11: Anda mesti menyimpan rekod, akaun atau dokumen yang berkaitan dengan barang yang disimpan di gudang untuk tempoh sekurang-kurangnya tujuh

tahun. Kegagalan untuk berbuat demikian akan menyebabkan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau penjara untuk tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

S12: Adakah saya perlu menyimpan rekod di gudang?

J12: Anda mesti menyimpan semua rekod dan dokumen dalam premis anda, kecuali dibenarkan sebaliknya oleh Ketua Pengarah.

S13: Apakah yang mesti saya lakukan jika terdapat perbezaan di antara stok sebenar dengan stok dalam rekod?

J13: Jika wujud perbezaan di antara stok sebenar dengan stok dalam rekod, yang dikesan pada bila-bila masa, maka anda mestilah mengemukakan satu laporan dengan serta merta yang mengandungi perkara-perkara berikut:

- (a) tindakan-tindakan yang diambil untuk menyiasat perbezaan yang wujud dan hasil siasatan;
- (b) amaun duti kastam dan/atau CBP yang kena dibayar, jika berkaitan;
- (c) tarikh pembayaran duti kastam dan/atau CBP.

Jika barang didapati kurang dalam gudang, anda bertanggungjawab untuk membayar CBP yang patut dibayar bagi barang tersebut memandangkan anda bertanggungjawab atas keselamatan dan kawalan barang-barang yang disimpan di gudang. Dalam kes sebegini, CBP hendaklah dibayar oleh anda dan anda perlu mengikrarkannya sebagai cukai output anda kerana kekurangan tersebut adalah dianggap sebagai pembekalan yang dibuat oleh anda.

Walau pun begitu, jika anda boleh membuktikan sehingga memuaskan hati Ketua Pengarah bahawa kekurangan tersebut adalah disebabkan oleh insiden yang tidak dapat dielakkan seperti kebakaran atau pecah masuk di gudang, dengan mengemukakan dokumen-dokumen sokongan seperti tuntutan insuran, laporan polis atau laporan pemeriksaan, maka Ketua Pengarah boleh meremit cukai yang kena dibayar.

S14: Apa yang perlu dilakukan jika barang rosak di gudang?

J14: Dokumen lengkap seperti laporan siasatan yang menjelaskan sebab kerosakan dan kuantiti yang terlibat mestilah dikemukakan kepada Ketua Pengarah dengan serta merta. Namun demikian, CBP kena dibayar atas barang-barang yang rosak kecuali remisi cukai diperoleh dari Ketua Pengarah.

S15: Apakah layanan CBP ke atas barang dan perkhidmatan yang digunakan di gudang?

J15: Pembekalan barang dan perkhidmatan yang digunakan di gudang adalah tertakluk kepada CBP. Ini bermakna perkhidmatan yang anda sediakan seperti pengendalian barang dan caj penyimpanan adalah dikenakan CBP pada kadar standard. Anda mesti mengikrar CBP yang dipungut dalam penyata CBP sebagai cukai output anda.

Seseorang yang menggunakan perkhidmatan anda misalnya pengimport atau pemilik barang yang disimpan di gudang, boleh menuntut CBP yang ditanggung bagi caj perkhidmatan yang anda kenakan, sebagai kredit cukai inputnya jika dia adalah orang berdaftar CBP.

S16: Sebagai operator gudang, bolehkah saya menuntut CBP yang dikenakan ke atas utiliti saya dan peralatan di gudang seperti forklift?

J16: Anda boleh menuntut semua CBP yang ditanggung dalam perjalanan atau penerusan perniagaan anda. Ini termasuklah semua perolehan seperti harta modal dan semua overhead (perbelanjaan pengendalian) berkaitan perniagaan anda.

S17: Bolehkah saya keluar dari sistem CBP?

J17: Anda tidak boleh keluar dari sistem CBP kecuali pembekalan bercukai anda telah berterusan jatuh di bawah nilai ambang. Dalam kes seperti ini, anda mestilah memaklumkan secara bertulis kepada Ketua Pengarah. Namun demikian, jika anda adalah orang berdaftar secara sukarela, anda mestilah berada dalam sistem selama sekurang-kurangnya dua tahun sebelum anda boleh memohon untuk pembatalan. Bila anda berhenti menjadi orang berdaftar, anda dikehendaki untuk mengakaun cukai dalam penyata terakhir

anda bagi semua stok barang termasuklah barang yang disimpan dalam gudang. Anda masih bertanggungjawab bagi sebarang perbezaan ke atas barang yang disimpan di gudang.

Depot Pelepasan Pedalaman

S18: Saya seorang peniaga dan membeli barang tempatan untuk dieksport. Jika saya menghantar barang tersebut ke DPP, bolehkah pembelian tempatan saya dikenakan cukai pada kadar sifar?

J18: Pembelian anda tidak boleh dikenakan cukai pada kadar sifar oleh pembekal anda kerana ia adalah pembekalan tempatan. Walau bagaimanapun, anda boleh mengambilkira cukai input yang ditanggung sebagai kredit cukai input anda. Anda boleh mengenakan cukai pada kadar sifar apabila anda mengeksport barang tersebut.

S19: Jika saya adalah peserta Skim Pedagang Diluluskan (SPL), adakah saya perlu membayar CBP sebelum pemindahan barang dari DPP?

J19: Anda tidak perlu membayar CBP kerana ianya digantung di bawah skim ini. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk *Panduan Industri ke atas SPL*.

S20: Jika saya hendak memindahkan barang dari Malaysia Barat ke Sabah dan Sarawak melalui DPP, apakah implikasi CBP ke atas pergerakan tersebut?

J20: Apa-apa duti atau CBP yang genap masa kena dibayar ke atas barang tersebut mestilah diakaunkan sebelum pemindahan dilakukan. Pergerakan barang ke Sabah dan Sarawak hanya perlu diikrar dalam Borang Kastam No.3.

S21: Saya adalah pengendali DPP. Apakah yang mesti saya lakukan jika terdapat perbezaan di antara stok sebenar dengan stok dalam rekod?

J21: Jika ada perbezaan di antara stok sebenar dengan stok dalam rekod, yang dikesan pada bila-bila masa, anda mestilah mengemukakan satu laporan dengan serta merta yang mengandungi perkara-perkara berikut:

- (a) tindakan yang diambil untuk menyiasat perbezaan yang wujud dan hasil siasatan:
- (b) amaun duti kastam dan/atau CBP yang kena dibayar, jika berkaitan:

Jika barang didapati kurang semasa dalam DPP, anda bertanggungjawab untuk membayar CBP yang genap masa kena dibayar bagi barang tersebut kerana anda bertanggungjawab atas keselamatan dan kawalan barang yang disimpan di gudang. Walaupun begitu, jika anda boleh membuktikan sehingga memuaskan hati Ketua Pengarah bahawa kekurangan tersebut adalah disebabkan oleh kebocoran, kerosakan atau kemalangan yang tidak dapat dielakkan, dengan mememukakan dokumen sokongan seperti tuntutan insuran, laporan polis atau laporan pemeriksaan, maka Ketua Pengarah boleh meremit cukai yang kena dibayar itu.

S22: Apa berlaku jika barang rosak di DPP?

J22: CBP kena dibayar bagi barang yang rosak kecuali remisi cukai diperoleh dari Ketua Pengarah. Dokumen lengkap seperti laporan siasatan yang menjelaskan sebab kerosakan dan kuantiti yang terlibat mestilah dikemukakan kepada Ketua Pengarah dengan serta merta.

S23: Apakah layanan CBP ke atas barang dan perkhidmatan yang diguna di DPP?

J23: Secara amnya, pembekalan barang dan perkhidmatan yang diguna di DPP adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard. Orang yang memperoleh perkhidmatan itu seperti pengimport atau pemilik barang yang disimpan boleh menuntut CBP yang ditanggung bagi perkhidmatan yang disediakan sebagai kredit cukai inputnya jika dia adalah orang berdaftar CBP.

S24: Sebagai pengendali DPP, bolehkah saya menuntut CBP yang dikenakan ke atas utiliti dan peralatan pejabat seperti komputer?

J24: Anda boleh menuntut cukai input bagi CBP yang ditanggung ke atas utiliti anda seperti bekalan air dan penggunaan telefon dan juga peralatan pejabat yang digunakan untuk perniagaan anda sebagai kredit cukai input.

S25. Bolehkah saya berhenti daripada menjadi orang berdaftar CBP?

J25: Anda tidak boleh berhenti dari sistem CBP kecuali pembekalan bercukai anda telah berterusan jatuh di bawah nilai ambang. Dalam kes seperti ini, anda mestilah memaklumkan secara bertulis kepada Ketua Pengarah. Namun demikian, jika anda adalah orang berdaftar secara sukarela, anda mestilah

berada dalam sistem selama sekurang-kurangnya dua tahun dari tarikh pendaftaran sebagai orang berdaftar CBP sebelum anda boleh memohon untuk menarik diri.

Apabila anda berhenti sebagai orang berdaftar CBP, anda dikehendaki mengakaunkan cukai dalam penyata akhir anda bagi semua stok anda kecuali barang yang disimpan di DPP. Anda masih bertanggungjawab ke atas sebarang perbezaan bagi barang yang disimpan.

Penyimpanan rekod dan akaun

S26: Berapa lamakah saya mesti menyimpan rekod?

J26: Anda mesti menyimpan rekod, akaun atau dokumen yang berkaitan dengan barang yang disimpan di gudang untuk tempoh sekurang-kurangnya tujuh tahun. Kegagalan untuk berbuat demikian adalah suatu kesalahan di bawah perundangan CBP.

S27: Adakah saya perlu menyimpan rekod di DPP?

J27: Anda mesti menyimpan semua rekod dan dokumen dalam premis anda kecuali dibenarkan sebaliknya.

PERTANYAAN

1. Sebarang pandangan berkenaan panduan ini, boleh hubungi:

Sektor VI

Bahagian GST

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Aras 3 – 7, Blok A, Menara Tulus

No. 22, Persiaran Perdana, Presint 3

62100 Putrajaya.

Email: gstsector6@customs.gov.my

BUTIRAN ATAU MAKLUMAT LANJUT MENGENAI CBP

2. Maklumat lanjut mengenai CBP boleh didapatkan daripada:

(a) Laman web CBP: www.gst.customs.gov.my

(b) Pusat Panggilan Kastam :

- Tel : 03-7806 7200/ 1-300-888-500
- Faks : 03-7806 7599
- Emel : ccc@customs.gov.my